



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **22 Mar 2021 (Isnin)**

#### **Utusan Malaysia**

Air Selangor bantu individu hilang kerja 1

#### **Harian Metro**

1327 kes baharu 2

#### **Kosmo**

Karakter pemain julang Penang FC 3

Neitzel bingung sentuhan penyudah Selangor FC tumpul 4

Gergasi Merah bingung 5

#### **Sinar Harian**

41 tanah orang asli di Selangor sudah diwarta 6

90 peratus warga emas belum daftar 7

Air sungai hitam akibat sampah 8

Serangan balas bikin Selangor FC gigit jari 9

#### **The Star**

Moving to cut down abandoned cars 10

Anxious over stalled project in Kg Delek 11

COUNCIL MATTERS 12

RAMADAN BAZAARS 13



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

### 22 March 2021

|              |   |                                          |
|--------------|---|------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia                          |
| Tajuk Berita | : | Air Selangor bantu individu hilang kerja |
| Muka Surat   | : | 42                                       |



### Air Selangor bantu individu hilang kerja

PENGURUSAN Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) telah menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta-peserta kumpulan pertama yang berjaya mengikuti Kursus Kemahiran Perantis Tukang Paip. Peserta terpilih terdiri

daripada individu yang telah kehilangan pekerjaan akibat pandemik Covid-19. Ini merupakan inisiatif kedua di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Sesama Mara untuk membantu individu yang memerlukan, seterusnya

menyuntik semangat komuniti akar umbi terus maju ke depan terutama dalam waktu yang mencabar semasa pandemik Covid-19 ini. Kursus Kemahiran Perantis Tukang Paip telah dilancarkan Air Selangor dengan kerjasama

Akademi Binaan Malaysia (ABM) pada Ogos tahun lalu yang mana ia merupakan usaha dan komitmen berterusan Air Selangor untuk membuka peluang kerjaya baharu seterusnya menjana pendapatan dalam bidang perkhidmatan dan

pembaikan utiliti air. ■ **KETUA** Komunikasi Korporat Air Selangor, Elna Baseri (tengah) bersama kumpulan pertama seramai 12 orang peserta yang berjaya menjalani Kursus Kemahiran Perantis Tukang Paip.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**22 March 2021**

|              |   |                 |
|--------------|---|-----------------|
| Akhbar       | : | Harian Metro    |
| Tajuk Berita | : | 1327 kes baharu |
| Muka Surat   | : | 11              |

# 1,327 KES BAHARU

*Selangor kekal catat kes harian tertinggi dengan 356 kes*

Oleh **Muhaamad Hafis Nawawi**  
 mhafis@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**K**es baharu positif Covid-19 dalam negara semalam mencatatkan 1,327 kes menjadikan ju-

mlah kumulatif setakat ini adalah sebanyak 333,040 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kes aktif semalam adalah 14,518 kes dengan Selangor mencatatkan kes harian tertinggi sebanyak 356 kes di-

ikuti Sarawak (276) dan Pulau Pinang (205).

Katanya, sebanyak 1,316 kes yang dilaporkan mem-babitkan tempatan iaitu 861 warganegara dan 455 bukan warganegara manakala 11 lagi adalah kes import terdiri daripada empat warganegara serta tujuh

bukan warganegara.

Menurutnya, jumlah kes sembuh pula 1,247 kes dengan jumlah kumulatif sebanyak 317,289.

"Terdapat 154 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi manakala 65 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam satu kenyaa-

taan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, empat kematian direkodkan semalam menjadikan jumlah kematian setakat ini 1,233.



ORANG awam menikmati pemandangan Kuala Lumpur selepas sektor pelancongan dibenarkan kembali beroperasi ketika tinjauan di Menara Kuala Lumpur, semalam.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |                                  |
|-----------------------|---|----------------------------------|
| <b>22 March 2021</b>  |   |                                  |
| Akhbar                | : | Kosmo                            |
| Tajuk Berita          | : | Karakter pemain julang Penang FC |
| Muka Surat            | : | 45                               |

## Karakter pemain julang Penang FC



**PEMAIN** pertahanan Penang FC, Rafael Santos (kanan) berusaha mengesang pergerakan penyerang Selangor FC, Shahrel Fikri Fauzi pada aksi di Stadium MBPJ kelmarin.

Oleh **MUHD. ARDIE PUTRA SUHAIMI**

**PENDATANG** baharu Liga Super, Penang FC terus menunjukkan belang mereka dalam saingan musim ini selepas berjaya merekodkan kemenangan 2-0 ke atas Selangor FC dalam aksi di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya kelmarin.

Pada aksi tersebut, skuad kendalian Tomas Trucha itu berjaya menjaringkan gol menerusi ledakan Al-Hafiz Harun pada minit ke-38 sebelum Danial Ashraff Abdullah mengandaskan kedudukan 17 minit sebelum tamat perlawanan.

Mengulas mengenai aksi tersebut, Trucha menyifatkan karakter dipamerkan para pemain cukup agresif dan tidak takut dengan reputasi tinggi yang dimiliki oleh skuad Gergasi Merah.

Kata Trucha, barisan pemain telah memperbaiki prestasi

mereka berbanding ketika seri tanpa jaringan bertemu UTM FC minggu lepas dengan menggunakan peluang keemasan sebaiknya.

"Saya sangat gembira apabila barisan pemain berjaya memanfaatkan sepenuhnya peluang keemasan dengan meledak dua gol penting sekali gus mencatat kemenangan bergaya ke atas Selangor.

"Namun, masih ada beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki terutama aspek pertahanan tetapi saya percaya saingan liga baru sahaja bermula dan prestasi pemain akan bertambah baik dari semasa ke semasa.

"Secara jujur, saya cukup berbangga dengan komitmen mereka dalam memburu kemenangan dan kerja keras itu dilihat berhasil kerana dapat membawa pulang tiga mata penuh menentang lawan yang sukar bertemu Selangor FC," katanya.

Skuad Harimau Kumbang

### LIGA SUPER

| KEPUTUSAN   |               |
|-------------|---------------|
| SELANGOR FC | 0-2 PENANG FC |
| UTM FC      | 0-1 KDA FC    |
| MELAKA UTD  | 2-1 KL CITY   |

|               | KEDUDUKAN |   |   |   |
|---------------|-----------|---|---|---|
|               | P         | M | S | K |
| JDT           | 4         | 3 | 1 | 0 |
| TFC           | 4         | 3 | 1 | 0 |
| KDA FC        | 5         | 3 | 1 | 7 |
| PENANG FC     | 5         | 2 | 2 | 1 |
| KL CITY       | 5         | 2 | 1 | 6 |
| MELAKA UNITED | 5         | 1 | 4 | 0 |
| PJ CITY       | 4         | 1 | 2 | 1 |
| SELANGOR FC   | 5         | 1 | 2 | 2 |
| SRI PAHANG    | 4         | 1 | 1 | 3 |
| PERAK FC      | 4         | 1 | 1 | 2 |
| SABAH FC      | 4         | 0 | 1 | 3 |
| UTM FC        | 5         | 0 | 1 | 4 |

Nota: Melaka United dipotong tiga mata oleh MFL

yang berjaya menjuarai Liga Premier musim lepas berjaya mengutip lapan mata selepas mengharungi lima perlawanan Liga Super musim ini.



**KERATAN AKHBAR**  
**22 March 2021**

|              |   |                                                      |
|--------------|---|------------------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Kosmo                                                |
| Tajuk Berita | : | Neitzel bingung sentuhan penyudah Selangor FC tumpul |
| Muka Surat   | : | 45                                                   |

# Neitzel bingung sentuhan penyudah Selangor FC tumpul

**KETUA** jurulatih Selangor FC, Karsten Neitzel mengakui bingung dengan situasi yang dialami oleh pasukannya terutama ketumpulan jentera serangan selepas tewas mengejut 0-2 kepada Penang FC dalam aksi Liga Super kelmarin.

Pada aksi di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya itu, Gergasi Merah membariskan dua penyerang sensasi, Ifedayo Olusegun dan Shahrel Fikri Md. Fauzi tetapi kedua-dua pemain tersebut gagal merobek gawang Penang FC.

Kata Neitzel, keputusan tersebut sememangnya mengecewakan terutama selepas menyaksikan pasukannya mempamerkan aksi cemerlang ketika mengikat juara Liga Super, Johor Darul Ta'zim (JDT) pada minggu lalu.

"Barisan pemain sangat kecewa dengan kekalahan ini dan saya tak tahu apa yang berlaku ketika ini kerana kami tidak mampu mencipta peluang keemasan buat dua jentera serangan kami (Olusegun dan Shahrel).

"Secara jujur, saya melihat corak permainan yang dipamerkan agak perlahan sehingga membuka ruang buat pasukan lawan melakukan serangan balas pantas yang menghasilkan gol buat mereka.

"Mengenai isu kepenatan, saya rasa tidak wajar dijadikan seba-



**SELANGOR FC berdepan masalah ketumpulan jentera serangan menyebabkan mereka tewas 0-2 kepada Penang FC kelmarin.**

gai alasan kerana semua pasukan mengalami situasi sama dengan mengharungi lima perlawanan dalam tempoh dua minggu," katanya selepas tamat perlawanan semalam.

Mengulas lanjut, Neitzel mahu memberi ruang dan peluang buat anak-anak buahnya bernafas sepanjang dua minggu tempoh

rehat untuk memberi laluan buat skuad Harimau Malaya menjalani kem latihan pusat.

"Empat pemain kami akan sertai kem latihan skuad kebangsaan, manakala pemain lain akan menjalani latihan intensif seperti biasa sepanjang dua minggu ini untuk memantapkan semula prestasi pasukan," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**22 March 2021**

|              |   |                       |
|--------------|---|-----------------------|
| Akhbar       | : | Kosmo                 |
| Tajuk Berita | : | Gergasi Merah bingung |
| Muka Surat   | : | 48                    |

PARA pemain kedua-ke dua pasukan saling berasak di depan gawang skuad Harimau Kumbang sementara menanti sepakan sudut oleh pemain Gergasi Merah. - SELANGOR FC

# Gergasi Merah bingung

**KEPUTUSAN**

|             |           |
|-------------|-----------|
| <b>0</b>    | <b>2</b>  |
|             |           |
| SELANGOR FC | PENANG FC |

KARSTEN Neitzel mengakui beliau sendiri bingung dengan prestasi Selangor FC yang agak terumbang-ambing dalam saingan Liga Malaysia (Liga M) apatah lagi tewas dengan pendarat baharu, Penang FC 0-2 pada Liga Super di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya kelmarin.

"Saya bingung dan kecewa dengan keputusan tersebut sedangkan perlawanan sebelum itu, Gergasi Merah menampilkan persembahan cukup luar biasa ketika mengikat Harimau Selatan minggu lalu," kata jurulatih kelahiran Jerman, Neitzel.

Situasi sebaliknya berlaku kepada Penang FC yang menampilkan aksi cukup agresif bahkan tidak gentar sama sekali dengan reputasi yang dimiliki Gergasi Merah meskipun skuad Harimau Kumbang bimbungan Tomas Trucha baru berjinak-jinak dalam saingan Liga Super.

"Saya percaya saingan liga baru sahaja bermula dan saya turut yakin prestasi barisan pemain Penang FC juga akan bertambah baik dari semasa ke semasa," tegas Trucha.

**BERITA PENUH DI MUKA 45**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 22 March 2021

|              |   |                                               |
|--------------|---|-----------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Sinar Harian                                  |
| Tajuk Berita | : | 41 tanah orang asli di Selangor sudah diwarta |
| Muka Surat   | : | 22                                            |

### 41 tanah orang asli di Selangor sudah diwarta

**SEPANG** - Sebanyak 41 daripada 74 tanah milik orang asli di Selangor diwartakan bagi mengelakkan pencerobohan oleh pihak pemaju yang tidak bertanggungjawab.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian memberi jaminan bahawa pencerobohan tersebut tidak akan berlaku setelah pe wartaan tanah orang asli dibuat.

Menurutnya, usaha tersebut adalah untuk melindungi hak orang asli supaya tanah mereka dapat dipertahankan dan diwarisi secara turun-temurun.

“Kita harap semua tanah orang asli akan diwartakan dalam masa tiga tahun ini,” katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Bakul Makanan kepada Ketua Isi Rumah di Kampung Orang Asli Bukit Tampo, Dengkil di sini pada



**LOY SIAN**

Ahad.

Sebanyak 118 bakul makanan bernilai RM100 disumbangkan kepada ketua keluarga di situ.

Loy Sian berkata, inisiatif itu merupakan kali kedua kerajaan Selangor memberikan bantuan kepada masyarakat orang asli di negeri tersebut.

Katanya, kerajaan Selangor melalui Menteri Besar Incorporated (MBI) memperuntukkan sebanyak RM600,000 untuk sekitar 6,000 ketua isi rumah orang asli di Selangor bagi

membantu mereka yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

“Setiap tahun, kerajaan Selangor akan memperuntukkan sejumlah RM500,000 untuk orang asli selain Tabung Amanah Orang Asli untuk memperbaiki sebarang kerosakan akibat bencana di kawasan orang asli di negeri ini,” katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**22 March 2021**

|              |   |                                    |
|--------------|---|------------------------------------|
| Akhbar       | : | Sinar Harian                       |
| Tajuk Berita | : | 90 peratus warga emas belum daftar |
| Muka Surat   | : | 22                                 |

# 90 peratus warga emas belum daftar

Bagi pengambilan vaksin Covid-19 di Selangor

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

**KUALA SELANGOR**

**K**ira-kira 90 peratus warga emas di Selangor belum mendaftar bagi pengambilan vaksin Covid-19.

Pengerusi Pasukan Petugas Pencegahan Covid-19 Selangor (STFC), Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, faktor itu disebabkan golongan itu tidak mempunyai akses kepada aplikasi MySejahtera, kekangan internet selain tidak mengetahui cara mendaftar secara digital.

Sehubungan itu, katanya, STFC melalui kerajaan negeri akan bertindak membantu golongan terbabit membuat pendaftaran menggunakan pelbagai platform digital dan secara manual bagi memastikan tiada individu yang tercicir dalam pengambilan vaksin tersebut.

“Kerajaan negeri masih di peringkat penyelarasan dan peringkat permulaan ini kita akan membantu pendaftaran suntikan vaksin,” katanya.

Beliau berkata demikian



Dr Dzulkefly (kanan) beramah mesra dengan seorang warga emas di Dewan Orang Ramai Bestari Jaya, Kuala Selangor pada Ahad.

pada sidang akhbar ketika menghadiri program ujian saringan Covid-19 percuma di Dewan Orang Ramai Bestari Jaya di sini pada Ahad.

Dr Dzulkefly yang juga Ahli Parlimen Kuala Selangor berkata, pihaknya turut bekerjasama dengan Pengerusi Majlis Pengerusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi membantu pendaftaran vaksin.

“Pada peringkat permulaan, kita juga membuat pendaftaran suntikan vaksin di pusat saringan Covid-19 seperti yang diadakan hari ini (Ahad).

“Pengerusi MPKK turut diberi pendedahan cara bagaimana untuk membantu pendaftaran menggunakan aplikasi atau terus melalui laman web disedia-

kan,” katanya.

Katanya, kerajaan negeri Selangor memahami kekangan dihadapi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memastikan semua rakyat negara ini membuat pendaftaran vaksinasi.

“Di Selangor kita mempunyai data dan ia akan dikongsi bersama bagi membantu melancarkan proses pendaftaran dan mengenal pasti individu bagi tujuan pendaftaran.

“Dengan kaedah ini, kita dapat memudahkan mereka yang tidak mempunyai akses internet yang baik di tempat tinggal mereka dan juga membantu individu yang tidak mempunyai kemahiran mendaftar dalam pengambilan vaksin,” katanya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b><br><b>22 March 2021</b> |   |                                |
|-----------------------------------------------|---|--------------------------------|
| Akhbar                                        | : | Sinar Harian                   |
| Tajuk Berita                                  | : | Air sungai hitam akibat sampah |
| Muka Surat                                    | : | 23                             |

## Air sungai hitam akibat sampah

Tapak pembuangan sampah haram punca air sungai berbau busuk

Oleh NORAFIZA JAAFAR

**KLANG**

**A**ktiviti pembuangan sampah haram di atas tanah lapang di Kampung Cherakah Jaya Meru di sini dipercayai telah menyebabkan air sungai di kawasan itu bertukar hitam.

la bukan sahaja mengeluarkan bau busuk malah merosakkan tanaman dan sayuran milik penduduk sekitar.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meru, Mohd Fakhrurazi Mohd Mokhtar berkata, aduan tersebut diterimanya sebulan lalu sebelum lawatan ke lokasi baru-baru ini mendapati masa-



Keadaan tanah lapang yang dikesan menjadi lokasi pembuangan sampah haram di Kampung Cherakah Jaya Meru.

lah tersebut masih berlarutan.

Menurut beliau, pihaknya telah memanjangkan isu tersebut kepada Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian dan Pegawai Daerah Petaling, Datuk Johary Anuar untuk tindakan lanjut.

"Aktiviti haram ini tidak di-

sedari orang awam kerana terletak di kawasan pedalaman berhampiran projek perumahan baharu.

"Selepas membuang sampah, terdapat sisa yang dikambus menyebabkannya larut ke sungai berhampiran.

"Setakat ini kita masih belum dapat menangkap pelakunya dan akan menghantar orang-



Mohd Fakhrurazi menunjukkan perbandingan sampel air sungai yang menjadi hitam dengan sumber air bersih.

untuk melakukan intipan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Ahad.

Katanya, pihaknya menggesa tindakan tegas dikenakan kepada individu yang melakukan pencemaran alam sekitar di kampung tradisi tersebut.

"Saya minta pelaku dikenakan kompaun dan tanah tersebut disita.

"Jika ia melibatkan pencemaran sumber air maka saya minta didakwa di bawah Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) yang memperuntukkan denda maksimum RM1 juta dan hukuman penjara mandatori.

"Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga telah turun menjalankan siasatan dan sampel air diambil untuk ujian makmal," katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**22 March 2021**

|              |   |                                             |
|--------------|---|---------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Sinar Harian                                |
| Tajuk Berita | : | Serangan balas bikin Selangor FC gigit jari |
| Muka Surat   | : | 39                                          |

## Serangan balas bikin Selangor FC gigit jari

FOTO: FB SELANGOR FC

DUA kekalahan selepas lima perlawanan mula mengundang resah peminat dan penyokong Selangor FC tatkala *The Red Giants* dicanang antara kelab yang mampu mencabar kejuaraan Liga Super musim ini.

Selepas tewas 1-3 kepada Terengganu FC (TFC), Selangor FC sekali lagi gagal meraih sebarang mata apabila mengalami kekalahan mengejut 0-2 kepada Penang FC di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Kelana Jaya pada Sabtu.

Mengulas kekalahan kepada Penang FC, pengendali Selangor FC, Karsten Neitzel mengangap pemain sayap Penang FC, Al-Hafiz Harun sebagai antara punca anak-anak buahnya tumbang di gelanggang mereka sendiri.

“Kami berdepan dengan masalah menerusi serangan balas pasukan lawan terutamanya daripada pemain nombor 12 (Al-Hafiz). Itulah punca kami kalah pada hari ini dan bukannya disebabkan masalah kecergasan.

“Semua pasukan berdepan situasi jadual padat dan memang ada pemain yang penat. Para pemain perlu bermain dengan lebih bijak dan berfikir lebih pantas setiap kali ‘memenangi’ bola.

“Mereka hanya ada satu atau dua saat untuk teruskan permainan tetapi kami sentiasa meng-



Kedua kelam kabut di depan pintu gol Penang FC dalam aksi di Stadium MBPJ, Kelana Jaya pada Sabtu.

ambil langkah yang salah. Ini bukanlah persembahan terbaik kami,” katanya dalam sidang media selepas tamat perlawanan.

Dalam pertemuan itu, dua gol yang terhasil pada minit ke-38 dan 73 - masing-masing menerusi Al-Hafiz dan Danial Ashraf Abdullah sudah cukup buat Penang FC pulang ceria dengan membawa tiga mata berharga.

Keputusan itu meletakkan

Selangor FC yang kini mula sinonim dengan gelaran ‘DNA Jerman’ kekal mengumpul lima mata hasil satu kemenangan, dua kali seri dan dua kekalahan.

“Kami bermain dengan baik pada Rabu (menentang JDT) tetapi hari ini ia sangat berlainan. Sudah tentu kami kecewa. Ia keputusan yang buruk, kami gagal untuk menjaringkan gol daripada peluang yang ada,” ujarnya.



## KERATAN AKHBAR

### 22 March 2021

|              |   |                                   |
|--------------|---|-----------------------------------|
| Akhbar       | : | The Star                          |
| Tajuk Berita | : | Moving to cut down abandoned cars |
| Muka Surat   | : | 1                                 |

For scrap: At Car Medic in Kajang, a car being transferred for the salvaging process. — SAMUEL ONG/The Star



## Moving to cut down abandoned cars

By GRACE CHEN  
 gracechen@thestar.com.my

A PILOT programme by the Environment Department (DOE) is set to pave the way for a more environmentally friendly solution when it comes to the disposal of vehicles that have been abandoned by their owners.

Launched this month, Klang Municipal Council (MPC) is the first local authority selected to kick-start the programme.

Under this arrangement, abandoned vehicles will be towed to an authorised automotive treatment facility (AATF) so that scheduled waste such as batteries, engine oil, air conditioner gases, condensate and other components like plastic and metal parts can be segregated for reuse, recycling or recovery.

**How it works**

The arrangement will use MFRs sending a tow truck to the location once owners are able to present certificates to show that their vehicles have been deregistered by the Road Transport Department (JTA).

**DOE launches environmentally sound programme to deal with end-of-life vehicles**

The council will tow the vehicle away free of charge to Car Medic, the first facility in Selangor to obtain the AATF certification from DOE under Section 18 of the Environmental Quality Act 1974.

In cases where the vehicle is just left abandoned in the open, MFRs Enforcement Department director Shariman Mohd Nor said notices would be sent to the owner based on records obtained from JTA — to remove the obstruction following Section 46 of Street, Drainage and Building Act 1974.

He stressed that the act of leaving an abandoned vehicle in a public space was an offence and those found guilty could be fined up to a maximum of RM500 and in the case of a second or subsequent conviction, be fined up to a maximum of RM1,000.

"If there is no response either due to lack of use on the vehicle owner's part to update his

address with JPA or for reasons unknown, we will tow the abandoned car to our depot and notify the owner that the vehicle is now within the council's purview.

"If the vehicle is still not claimed after two weeks, it will be sent to the AATF-certified facility for disposal," he explained.


There are currently no unclaimed abandoned vehicles in MPC's depot.

Shariman said those would be sold as scrap metal to an AATF operator.

Presently, discussions are ongoing to have the operator tow such abandoned vehicles from their parked locations to the council's depot in future.

If the vehicles are left unclaimed, an AATF licensee can remove the council of these metal carcasses without payment.

► SEE PAGE 3



1. The car scrapping process begins with technicians extracting petrol so it does not leak on the ground and get into water sources. — Photos: SAMUEL ONG/The Star

2. Engine oil being extracted as part of the depollution exercise.

3. A deployment device being used to separate an airbag before workers begin stripping a vehicle.

## 'Few aware of car disposal service availability'

► FROM PAGE 1

Among other local authorities intending to kick off this programme in their respective jurisdictions soon are the Ampang Jaya and Klang municipal councils.

In the launch, DOE director-general Norlin Isdar announced that seven other companies had been shortlisted by Malaysian Automotive, Robotics and Inf Institute (MARII) to be part of the programme.

Four of the companies are located in Selangor while two are in Johor and one in Perak.

As an alternative to calling MFRs, members of the public can bring their unused vehicles directly to the authorised automotive treatment facility for disposal.

**What happens in AATF**

Although second-hand tyres and airbags are common in the used parts market, for safety reasons, AATF operators are bound by agreement not to salvage them for resale even if the threads appear to look new.

Components that can be sold by an AATF for recycling are plastics and metals.

By law, such sites are only allowed to dismantle those parts from the vehicles.

"Processes like smelting of metals, for example, can only take place at licensed facilities approved by either the local authority or the DOE," said Kwan.

**Why it is a right step**

Malaysia Used Vehicle Auto-parts Traders Association (Muvata) president Lau Lee Chin said the pilot AATF programme was a step forward in addressing the problem of abandoned cars.

"It has become very bad over the past five years and will become worse if nothing is done to address the issue.

"Factors such as lengthy car loan terms, which has made it easy for car ownership and the absence of a vehicle scrapping policy, have in a way contributed to the problem," she said.

Muvata members also view the programme as an upgrade for the industry.

The association has a total of 318 members, of which 154 are based in Selangor.

Lau said the industry had always looked towards Japan and Taiwan as examples when it came to best environmental practices.

She said it would be a matter of time before local companies too would see the benefits in upgrading their facilities to meet AATF standards.

"The industry is no stranger to environmental practices," she highlighted.

One example she cited was the recycling of engine oils, which she noted had been practised even before the introduction of the AATF programme because there was money to be made.

"Engine oil and fuel were properly drained with specialised equipment, collected in drums and sold to recyclers, who will turn them into refined lubricants or processed into fuel oil."

"At its highest price, one drum can fetch up to a few hundred rings," she revealed.

Muvata members had taken part in initial meetings to offer their feedback to MARII, an



Kwan: The collection, monitoring and separation processes of scheduled waste and other materials in a car are regulated and recorded at an AATF.



Lau: The Environment Department's programme is seen by Muvata members as an upgrade for the industry.



Mohd Radzi is collecting data from Car Medic on the recovery rate for end-of-life vehicles.

agency of International Trade and Industry Ministry, when the initiative was setting up a qualification system for the AATF implementation roadmap with DOE.

However, Lau stressed that for the programme to be successful, there should be more public awareness drives on the availability of such services.

"People not related to this industry usually have no idea who to look for and what to do when a vehicle has come to the end of its life.

"Even if they eventually come to realise that they can send it to an automobile scrapyard, they may not be willing to pay for towing services if the sale of the scrap vehicle is unable to cover towing costs," she pointed out.

On the part of the automotive facilities that would receive these vehicles, she said many Muvata members were eager to be part of the pilot programme.

She acknowledged that business owners would need considerable time and investment to equip their premises to meet the standards set by DOE.

"Due to the worldwide pandemic, the import and export sectors in this industry have been affected.

"As such, many business owners need to find confidence while the economic conditions before they can be motivated to invest."

"There is also the issue of labour to contend with, as the recycling process will require better qualified staff and skill."

"For that purpose, business owners may be required to pay more for workers apart from upgrading their IT systems," she added.

Industry incentives, Lau opined, would encourage more deserving outfits to take part in the AATF programme.

One solution proposed by Muvata is to set up a central location as a one-stop centre for the used auto parts industry where the dismantling process and sale of used parts can take place.

"One advantage of such a centre is easier monitoring by authorities.

"Another benefit is the ease of access for customers looking for used auto spare parts," Lau reasoned.

The Environment Knowledge Management Centre at the DOE website stated that the issuance of AATF licences will be limited in accordance to the number of abandoned vehicles recorded at the moment.

Based on public reports, the figure has now exceeded 60,000 units nationwide.

► SEE PAGE 3



4. Tyres have to be separated from rims.



5. Automotive components are separated and sold as used spare parts.



6. Materials like aluminium and steel are crushed up and sold as scrap metal.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**22 March 2021**

|              |   |                                          |
|--------------|---|------------------------------------------|
| Akhbar       | : | The Star                                 |
| Tajuk Berita | : | Anxious over stalled project in Kg Delek |
| Muka Surat   | : | 2                                        |



Wan Zalmi in front of his unfinished unit at Block A of Kampung Delek. Work stalled after 75% of the house had been completed. — KK SHAM/The Star

Saiful: The developer had promised to deliver the houses two years after the S&P agreement was signed in 2014.

Mohd Mat: The project site is now overgrown with weeds and attracts snakes and stray dogs.

By **EDWARD RAJENDRA**  
 edward@thestar.com.my

FAMILIES who bought houses in Kampung Delek, Klang with high expectations of moving in, had their dreams dashed as the project stalled after the developer ran into financial difficulties.

All 34 units of houses that make up Block A, B and C of the project, parallel to Lorong Haji An Nawawi off Jalan Kampung Delek Baru, are not completed.

Construction time for all three blocks differs but according to buyers, the Sale and Purchase Agreement was inked in 2014 and they were promised that keys to the units would be handed over after 24 months.

Wan Zalmi Wan Othman, 46, said he had purchased a two-and-a-half-storey house with four bedrooms and two bathrooms in Block A in September 2014.

"I am stuck as the developer is unable to give a definitive answer to me and other buyers about when the project will be completed.

"It is difficult as people are living with their in-laws, some are servicing housing loans while paying rent, and others who are retiring soon will need to move out of their government quarters," he said.

Wan Zalmi added that his unit was 75% complete but work had stopped, leaving the unit exposed

# Anxious over stalled project in Kg Delek

## House buyers seek compensation after developer fails to complete units by promised date

to the elements.

"We are helpless and want the Housing and Local Government Ministry to step in and brief all 34 buyers on the status of the project.

"Our ad hoc committee is also looking at compensation for the unreasonable project completion time, which had caused us extra expenditure in rental fees," he said.

Another buyer, Saiful Azhar Misni, 39, said when he signed the S&P agreement for the house, the developer had promised that it would be completed in 24 months.

"I live in Kuala Perlis, Perlis and I want to move the family to Klang, but I am stumped by this problem.

"I hope the Klang Municipal Council's Building Department and Selangor Housing and Property Board will step in to resolve the issue," he added.

Wan Zalmi said the developer must call for a meeting with the buyers as they have been left in the dark over the status of the project.

Meanwhile, people living parallel to the project want the developer to clean up the site, which is overgrown with weeds, attracting stray dogs, snakes and monitor lizards.

Mohd Mat Dom, 75, said MPK must check the area and order the developer to clean up.

"We have had some residents come down with dengue due to stagnant water in the area that has made it a breeding site for Aedes mosquitoes," he said.

When contacted, developer Tiang Seri Development Sdn Bhd director Baizatul Hanim Ibrahim said the company would take "full responsibility to com-

plete the project".

"Tiang Seri Development admits that we have not been able to complete the project as we had run into some financial difficulties and had to change contractors several times.

"We have taken the initiative to engage a new contractor," she said.

She added that the new contractor would need three months to assess the incomplete structures, the roofing at some units, as well as plumbing and electrical wiring before accepting the job.

"For the record, we had given a brief report to the buyers on March 1," she said.

Baizatul Hanim also said that the developer would complete the project and planned to hand over the keys to buyers on the third week of December.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**22 March 2021**

|              |   |                 |
|--------------|---|-----------------|
| Akhbar       | : | The Star        |
| Tajuk Berita | : | COUNCIL MATTERS |
| Muka Surat   | : | 2               |

## **COUNCIL MATTERS**

> Selayang Municipal Council (MPS) is drafting its 2022 budget.

Ratepayers are invited to give their feedback until April 9 by filling in a questionnaire at <https://forms.gle/yXfh9DRFQA6LbLTt6>

> Ratepayers under Subang Jaya City Council (MBSJ) can pay traffic compounds online at <https://ezy.mbsj.gov.my>. For details, call 03-8024 7700.

> Kuala Lumpur City Hall is offering a 50% discount until March 31 on monthly rental of all residential units, grocery shops and convenience stores at its people's housing and public housing projects. For details, call 03-2617 6148 / 6151 or WhatsApp 019-326 5332.

> Ampang Jaya Municipal Council has extended the deadline for online business licence renewal to March 31. Business owners can renew their licences at [icomm.mpaj.gov.my](http://icomm.mpaj.gov.my). For details, call 03-4285 7324.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**22 March 2021**

|              |   |                 |
|--------------|---|-----------------|
| Akhbar       | : | The Star        |
| Tajuk Berita | : | RAMADAN BAZAARS |
| Muka Surat   | : | 2               |

## **RAMADAN BAZAARS**

> Applications for Ramadan bazaar lots under Shah Alam City Council can be made online at <https://bazar.mbsa.gov.my> until March 26. Permits will be given from April 5 to 8 at Dewan Jenjarum in Section 11 to successful applicants.

> MBSJ is accepting online applications via its website [www.mbsj.gov.my](http://www.mbsj.gov.my) till March 21. Balloting will be done on March 26. Bazaar operations to run from April 13 to May 12. Payment deadline is April 5.

> Kuala Langat Municipal Council has opened online applications for permits until March 30. Applications can be made at <https://etaksiran.mdkl.gov.my>. For details, call the Licensing Department at 03-3187 2825 ext 161/136.

> Online applications under MPSepang are open until March 26. Applications can be made through [ebazar.mpsepang.gov.my](http://ebazar.mpsepang.gov.my). For details, call the Licensing Department at 03-8319 0256.